

▼21/12/14-21MST

CNS4395

R GB 21-12 00163 BH490

bah

Mahathir - Wawasan

MAHATHIR YAKIN PULAU PINANG CAPAI WAWASAN LEBIH AWAL

BUKIT MERTAJAM, 21 DIS (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melahirkan keyakinan bahawa Pulau Pinang akan dapat mencapai matlamat Wawasan 2020 dengan lebih awal.

Katanya, Pulau Pinang dapat mencapai matlamat itu lebih awal memandangkan tahap kemajuannya yang begitu pesat dan ia merupakan antara negeri yang termaju.

"Saya percaya Pulau Pinang akan mencapai Wawasan 2020 dalam jangka masa yang lebih awal dan amat berbangga dengan kejayaan negeri ini sekarang," katanya pada persidangan akhbar sebelum mengakhiri lawatan dua harinya ke sini.

Dr Mahathir berkata beliau gembira melihat kemajuan Pulau Pinang dan berharap dasar-dasar kerajaan persekutuan dan negeri akan dapat dilaksanakan dengan lebih baik.

Perdana Menteri berkata beliau juga melihat perubahan hati penduduk yang dahulunya seolah-olah tidak mengalu-alukan dan menerima lawatan beliau tetapi kali ini orang ramai keluar sambil melambai-lambai, mengukir senyuman dan menyambutnya dengan mesra. -- Lagi

▼21/12/15-03MST

CNS4396

R GB 21-12 00143 BH491

bah

Mahathir - Wawasan 2 (akhir) Bukit Mertajam

"Ini mungkin mencerminkan perasaan yang sudah bertukar terhadap Barisan Nasional (BN) dan kerajaan BN serta dasar-dasarnya," ujar beliau.

Ditanya oleh pemberita punca perubahan hati itu, Dr Mahathir menjelaskan ia mungkin disebabkan kemakmuran rakyat dan perasaan selesa mereka dengan kerajaan sekarang.

"Walaupun kita tidak dapat membuat andain perubahan sepenuhnya tetapi kita akan merayu kepada mereka supaya menyedari akan kebaikan cara pemerintahan BN dan memberi sokongan kepada kita.

"Apa guna menyokong parti lawan yang meraba-raba mencari isu, yang memainkan isu perkauman kerana kalau ada perasaan perkauman terlalu tebal, kita akan hadapi rusuhan kaum yang boleh menjejaskan kemakmuran negara ini," katanya.

Ragaimanapun, beliau percaya rakyat semakin menyokong kerajaan BN dan dasar-dasarnya kerana selesa dengan cara-cara pemerintahan BN yang membawa kemakmuran kepada semua. -- Bernama

MOZ SA SJA .

▼21/12/15-03MST